

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421




Selain berbekalkan modal, usaha dan minat, jatuh bangun sesebuah perniagaan itu pastinya berkait rapat dengan semangat dan kekentalan pengusahanya. Untung rugi sesebuah perusahaan dan perniagaan itu adalah resam dan kekuatan serta kekentalan untuk menempuh setiap cabaran itu adalah kunci kepada kejayaan berterusan. Perkara inilah yang menjadi pengangan utama kepada seorang pesona keusahawanan siswa yang cukup disegani di UiTM Cawangan Kedah iaitu Saudara Muhammad Tarmizie Alias, 34 tahun, berasal dari Rantau Panjang, Kelantan Darul Naim.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran, UiTM Cawangan Kedah ini memilih janaan berliku dalam bidang perniagaan sebagai sumber rezeki utama beliau. Menceburi bidang perniagaan seawal tahun 2009 semasa dalam pengajian diploma, Saudara Muhammad Tarmizie Alias atau lebih mesra disapa dengan panggilan Mijie kini memulakan perniagaan sepenuh masa dengan menawarkan perkhidmatan catering makanan dan penyediaan makanan berkonsepkan 'ready to eat' dan berbungkus yang dibekalkan kepada kiosk-kiosk agensi kerajaan seperti di kampus UiTM Cawangan Kedah dan Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah. Bermula dari itu, beliau semakin berani mengorak langkah lebih kukuh dengan membuka restoran sendiri seawal usia 21 tahun. Suatu yang menarik berkaitan figura ini, setiap perniagaan beliau pastinya akan dicorakkan dengan nilai tempatan dan semasa. Selain itu, beliau sentiasa memastikan perniagaannya memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Oleh itu tidak hairanlah apabila ramai di antara pekerjaannya terdiri dari kalangan masyarakat setempat yang berstatus ibu tunggal dan dari keluarga berpendapatan rendah. Asas ini jugalah yang menjadi Mijie dan perniagaannya mudah untuk diterima dan dikenali oleh masyarakat sekitar Merbok dan Sungai Petani selain daripada kualiti perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh beliau.

Selain berbekalkan modal, usaha dan minat, jatuh bangun sesebuah perniagaan itu pastinya berkait rapat dengan semangat dan kekentalan pengusahanya. Untung rugi sesebuah perusahaan dan perniagaan itu adalah resam dan kekuatan serta kekentalan untuk menempuh setiap cabaran itu adalah kunci kepada kejayaan berterusan. Perkara inilah yang menjadi pengangan utama kepada seorang pesona keusahawanan siswa yang cukup disegani di UiTM Cawangan Kedah iaitu Saudara Muhammad Tarmizie Alias, 34 tahun, berasal dari Rantau Panjang, Kelantan Darul Naim.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran, UiTM Cawangan Kedah ini memilih janaan berliku dalam bidang perniagaan sebagai sumber rezeki utama beliau. Menceburi bidang perniagaan seawal tahun 2009 semasa dalam pengajian diploma, Saudara Muhammad Tarmizie Alias atau lebih mesra disapa dengan panggilan Mijie kini memulakan perniagaan sepenuh masa dengan menawarkan perkhidmatan catering makanan dan penyediaan makanan berkonsepkan 'ready to eat' dan berbungkus yang dibekalkan kepada kiosk-kiosk agensi kerajaan seperti di kampus UiTM Cawangan Kedah dan Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah. Bermula dari itu, beliau semakin berani mengorak langkah lebih kukuh dengan membuka restoran sendiri seawal usia 21 tahun. Suatu yang menarik berkaitan figura ini, setiap perniagaan beliau pastinya akan dicorakkan dengan nilai tempatan dan semasa. Selain itu, beliau sentiasa memastikan perniagaannya memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Oleh itu tidak hairanlah apabila ramai di antara pekerjaannya terdiri dari kalangan masyarakat setempat yang berstatus ibu tunggal dan dari keluarga berpendapatan rendah. Asas ini jugalah yang menjadi Mijie dan perniagaannya mudah untuk diterima dan dikenali oleh masyarakat sekitar Merbok dan Sungai Petani selain daripada kualiti perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh beliau.



Jejak perjalanan keusahawanan Mijie bermula dengan penglibatan aktif beliau dengan pelbagai inisiatif dalam keusahawanan semasa beliau masih bergelar pelajar di UiTM Cawangan Kedah lagi. Diasuh, dipandu dan dibekalkan dengan pelbagai ilmu keusahawanan semasa menyertai program Tunas Mekar dan Akademi Pembangunan Keusahawanan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (MASMED) UiTM, menjadikan Mijie antara usahawan siswa kelahiran UiTM Cawangan Kedah yang masih ampuh berdiri walaupun dilanda pelbagai badai rintangan alam perniagaan. Sememangnya tiada yang mudah, namun, atas sokongan, dorongan dan dokongan semua pihak, beliau terus mengorak langkah. Rezeki demi rezeki dan peluang demi peluang yang diberikan kepada beliau tidak sekali pun dipersiapkan. Berkat ketekunan beliau, pada tahun 2019, Mijie telah diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan sebuah premis makanan utama di kampus UiTM Cawangan Kedah yang beliau namakan sebagai Restoran Universiti. Atas kapisiti alumni, beliau mencorakkan perjalanan premis ini dengan hebat sehingga berjaya terpilih sebagai Kafe Contoh Negeri Kedah. Kafe ini telah melepasi Piawaian Persijilan Bersih, Selamat Dan Sihat dan diiktiraf oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Mengagumkan! Atas kualiti perkhidmatan yang baik serta bijak mencari peluang perniagaan, beliau terus mengorak langkah lebih berani untuk keluar dari kepompong perniagaan dalam kampus untuk mengatur tapak di dunia sebenar di luar kampus yang pastinya lebih mencabar dan sengit. Rezeki terus memihak kepada Mijie selepas beliau diberikan tanggungjawab untuk menguruskan premis dagangan dibawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Kedah di RISSMART RISDA, Jalan Sekerat, Sungai Petani, Kedah pada tahun 2019 dengan label baharu iaitu MIJIES CAFÉ & NURSERY, RISSMART RISDA SUNGAI PETANI.

Namun panas yang disangka hingga ke petang, diuji dengan hujan di tengahari. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada awal tahun 2020 meninggalkan kesan mendalam kepada Mijie dan perniagaannya. Silih berganti cabaran yang beliau terpaksa depani, bukan sekecil anak, namun beliau terus utuh dengan iltizam dan semangat beliau. Satu demi satu cabang perniagaan beliau terpaksa ditutup dek kerana kekangan pengoperasian ditambah dengan keadaan ekonomi yang serba mencabar. Beliau terpaksa menamatkan operasi Restoran Universiti dek kerana pengeposan kampus yang terganggu dengan perlaksanaan pelbagai perintah kawalan pergerakan oleh pihak kerajaan. Berat untuk beliau mengambil keputusan tersebut namun atas kekangan kos operasi dan sumber kewangan yang terhad, beliau terpaksa akur dengan keadaan. Kini setelah hampir dua tahun pandemik ini berterusan, Mijie dan perniagaan beliau harus bergerak dengan lebih pantas dan kreatif. Berbekalkan perusahaan tunggal beliau di Mijies Café & Nursery, Rissmart RISDA Sungai Petani, Mijie melangkah kreatif dengan menawarkan konsep perniagaan baharu yang menawarkan konsep perkhidmatan sajian makanan dalam taman bunga yang cukup cantik dan penuh warna. Mijies Café & Nursery kini boleh berbangga bukan sahaja dengan menawarkan kualiti hidangan setaraf hotel mewah pada harga berpatutan tetapi juga turut menyajikan halwa mata yang indah mempesonakan. Jika anda berkunjung ke Sungai Petani, jangan lupa singgah di MIJIES CAFÉ & NURSERY!

MIJIES CAFÉ & NURSERY: WAJAH USAHAWAN SISWA KENTAL

Azlan Abdul Rahman¹, Muhammad Tarmizie Alias², Mohd Firdaus Ruslan³, Nur Diana Hassan³, Nor Ananiza Azhar³, Tunku Nashril Tunku Abaidah⁴,

¹Akademi Pengajian Bahasa, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Kedah

²Mijies Café & Nursery

³Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Kedah

⁴Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Kedah.

Koresponden: azlanar@uitm.edu.my